



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 7

31hb Mac 2011

TAMBAHAN
No. 1

No. 536.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BENTONG

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bentong bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan Daerah, Pejabat Daerah Bentong, Bentong pada hari Rabu bersamaan 6 April 2011, jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau penukaran lesen-lesen bagi suku tahun pertama 2011 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan hendaklah dihantar dalam empat (4) salinan kepada Pengerusi, Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah, Bentong sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di Bangunan Perniagaan yang bakal berniaga minuman bagi tempoh tidak kurang (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

PEJABAT DAERAH BENTONG
Bertarikh 23 Februari 2011
[P.D.Btg(P)LES 5/91 Jld. XII]

DATO' TOANTOWEE BIN MOHD LOTFIE
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Bentong

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991
[Enak. 3/91]ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1991
[Enact. 3/91]**No. 537.**

PELANTIKAN AHLI MAJLIS

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE MAJLIS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantik mereka yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual menjadi ahli-ahli Majlis bagi tempoh yang ditetapkan dalam ruang kedua Jadual.

In exercise of the powers conferred by section 7 of the administration of Islamic Law Enactment 1991, His Royal Highness the Sultan has appointed the persons mentioned in the first column of the Schedule to be members of the Majlis for the period specified in the second column of the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
1. YB. Setiausaha Kerajaan Pahang Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail	1-3-2011 hingga 28-2-2013
2. YH. Dato' Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Salleh	1-3-2011 hingga 28-2-2013

Bertarikh 7 Mac 2011

Dated 7 March 2011
[M.U.I.Phg. 100/101/1(1)]

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu
Pahang

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 538.

[Subseksyen 64(2)]

PEMBATALAN PERIZABAN

[Subsection 64(2)]

REVOCATION OF RESERVATION

Bahwasanya melalui *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu No. 297* yang disiarkan pada 24 September 1956, Menteri Besar Pahang pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah telah mengisyiharkan tanah seluas 3 ekar, 2 rood, 15 pole yang dikenali sebagai No. Lot 894 Mukim Penyor, Daerah Pekan yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. 18,225 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, menjadi suatu rizab bagi maksud kegunaan awam untuk ‘tapak Sekolah Melayu’ di bawah selenggaraan Ketua Pegawai Pendidikan, Pahang.

Dan bahwasanya Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut di atas menurut subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*];

Maka oleh yang demikian menurut subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*]; adalah dengan ini diberi notis bahawa Pihak Berkuasa Negeri bercadang untuk membatalkan perizaban tanah tersebut di atas dan satu siasatan akan dibuat mengenainya oleh Pengarah Tanah dan Galian Pahang di Pejabat Pentadbir Tanah Daerah Pekan pada 24 Mei 2011 jam 10.00 pagi.

Whereas by the Federation of Malaya Government *Gazette* No. 297 published on 24 September 2011, the Menteri Besar of Pahang in exercise of powers conferred on him by subsection 24(i) of the Land Code has proclaimed the land comprising of an area of 3 acres, 2 roods, 15 poles known as Lot No. 894, Mukim of Penyor, District of Pekan, as delineated upon Survey Plan No. 18,225 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, namely as a ‘site for a Malay School’ to be maintained by the Chief Education Officer, Pahang.

And whereas the State Authority proposes to revoke the whole of the aforesaid reservation pursuant to subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*];

Now therefore pursuant to subsection 64(2) of the National Land Code [Act 56 of 1965]; notice is hereby given that the State Authority propose to revoke the reservation of the aforesaid land and an enquiry with respect thereto will be held by the Pahang State Director of Lands and Mines at the Office of the Pekan Land Administrator on the 24 May 2011 at 10.00 a.m.

Bertarikh 15 Mac 2011

Dated 15 March 2011
[PTP. 2.3.4204]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD
*Pengarah Tanah dan Galian
Pahang*

No. 539.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 350/2011 bertarikh 11-3-2011.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Mentakab. No. Lot—3123. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 630. Luas—1993.9127 meter persegi. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 14 Mac 2011
[PTT. 4/260/12/2011]

NURHEDAYAH BINTI CHE OMAR
*b.p. Pentadbir Tanah
Temerloh*

No. 540.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Moorthy a/l Ramakandon (KP. 750119-10-5751) dan Kanniamah a/p Arumumgam (KP. 520204-02-5146) yang beralamat di Stesen Minyak Shell, Kg. Sri Jaya, 26030 Kuantan, Pahang dan/atau 64 Lorong 2, Taman Dinding, 26500 Maran, Pahang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahwasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

31hb Mac 2011]

547

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Daerah (T), Pejabat Daerah dan Tanah Maran pada 14 April 2011 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor. No. P.T.—4682. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3050. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 961/2001.

Bertarikh 15 Mac 2011
[PTM. 4/3/0005 (2011)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 541.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ramle bin Ismail (KP. 540712-10-5845) yang beralamat di A 112 Felda Jengka 17, 26400 Bandar Jengka, Pahang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran pada 14 April 2011 (Khamis) jam 10.40 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Chenor	18601	17193	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 927/2002
Chenor	18182	17194	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 555/2005

Bertarikh 15 Mac 2011
[PTM. 4/3/0004 (2011)]

*Pentadbir Tanah
Maran*

No. 542.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ahmad Fadzlee bin Abdullah dan Saidatul Akmar binti Abu Bakar yang beralamat di 2 Jalan TJ 8/10, Taman Temerloh Jaya, 28000 Temerloh dan/atau 52 Jalan Besar, Taman Temerloh Jaya, 28000 Temerloh. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Rabu bersamaan 20-4-2011 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—11229. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 11150. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2412/2001. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 15 Mac 2011
[PTT. 4/369/01/2010]

*Pentadbir Tanah
Temerloh*

No. 543.

[Perenggan 261(1)(c)]

SURAT SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Di Pejabat Tanah Daerah Lipis dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

AGRO BANK

DAN

ALIAH BINTI SALEH

Kepada Aliah binti Saleh yang beralamat di Kg. Pekan Sehari, Tg. Besar, 27300 Benta, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas hakmilik yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 13 April, 2011 jam 9.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Daerah Lipis. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tg. Besar. No. Lot/P.T.—2699. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 555. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 38/2002. Bertarikh 10-1-2002.

Bertarikh 10 Mac 2011
[PTL.Pen. 15/009/2011]

FARHANA BINTI TUNGAHSER
*Pentadbir Tanah
Lipis*

No. 544.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Ezanaziha binti Abdullah, Penolong Pentadbir Tanah Lipis, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang tak dipecahkan yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 30 Mac 2011 jam 9.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Daerah Lipis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu RM40,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada Malayan Banking Berhad pada tarikh ini (21-2-2011) ialah sebanyak RM35,870.54 (Hutang Penggadai).
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM4,000.00.
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada Pemegang Gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih dari satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 27 Julai 2011 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada Pemegang Gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gua. No. Lot—1260. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 626. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 553/2000. Bertarikh 2-8-2000.

Bertarikh 21 Februari 2011
[PTL.Pen. 15/058/2010]

EZANAZIHA BINTI ABDULLAH
Pentadbir Tanah
Lipis

No. 545.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960
(Akta 486)

(Seksyen 8)

PENGISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN

Pemberitahuan Warta No. 324 yang disiarkan pada 3 Mac 2011 adalah dipinda seperti berikut:

- (i) Di baris ke 4 muka surat 336, perkataan “Seksyen 3(1)(a)” dipinda dengan perkataan “Seksyen 3(1)(b)”.

[P.T.Rom. PBT/P/09/02/2008]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semuanya Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA